

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : YB TUAN SABRI BIN AZIT [JERAI]

SOALAN

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah peruntukan yang disediakan untuk membimbing saudara baru dan dakwah yang dijalankan terhadap orang asal di seluruh Malaysia.

**JAWAPAN : YB SENATOR DATUK DR. ZULKIFLI MOHAMAD AL-BAKRI,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (HAL EHWAL AGAMA)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kerajaan sentiasa peka dan telah menyediakan program bimbingan saudara baru dengan kerjasama Jabatan dan Majlis Agama Islam Negeri. Saudara baru yang mendaftarkan pengislaman mereka di Wilayah Persekutuan serta kurang berkemampuan akan dibantu dengan insentif sebanyak RM500 sehingga RM1,500.00 bergantung kepada had umur. Mereka juga diberikan elaun kehadiran sebanyak RM50.00 sehari bagi yang mengikuti kelas pengajian.
2. Manakala bagi Orang Asli, kerajaan melalui Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) telah berusaha melaksanakan pelbagai program dalam memperkasakan Orang Asli Islam. Antaranya melantik 239 orang Penggerak Masyarakat Orang Asli (PMOA) yang khusus untuk membantu memberi kefahaman Islam dan mengajar kelas fardu ain di perkampungan Orang Asli melibatkan peruntukan sebanyak RM1.2 juta setahun. Selain itu, pihak JAKIM dengan kerjasama Jabatan Agama Islam Negeri (JAIN) dan Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) sentiasa berusaha menaiktaraf surau kepada surau Jumaat dan

Masjid di perkampungan Orang Asli. Sehingga kini terdapat 28 buah surau jumaat dan sebuah masjid di perkampungan Orang Asli.

3. Dari sudut peningkatan prasarana di perkampungan Orang Asli pula, pada tahun 2019, JAKIM telah membelanjakan sebanyak RM241,923.84 bagi tujuan baik pulih surau di perkampungan Orang Asli dan rumah Penggerak Masyarakat Orang Asli. Selain itu , sebanyak RM194,788.00 juga telah dibelanjakan bagi membina surau-surau baharu. Pada 2020, sebanyak RM40,000.00 telah dibelanjakan bagi tujuan baik pulih surau di perkampungan Orang Asli dan rumah Penggerak Masyarakat Orang Asli.

4. Bagi tujuan meringankan bebanan kewangan yang dialami oleh rakyat, khususnya Masyarakat Orang Asli akibat Pandemik COVID-19 yang melanda Negara, kerajaan telah menyumbangkan sebanyak RM378,611.00 kepada keluarga-keluarga Orang Asli di Malaysia.

Sekian, terima kasih.